



**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN KSCP, SIDANG AKADEMIK 2024/2025
PROGRAM PENGAJIAN JARAK JAUH**

*KSCP Examination Timetable, Academic Session 2024/2025
Distance Learning Programme*

KOD KURSUS <i>(Course Code)</i>		MASA <i>[Hour(s)]</i>			
TARIKH :	17 SEPTEMBER 2025	HARI :	RABU	MASA :	2.15 PETANG
<i>Date</i> :	<i>(17 September 2025)</i>	<i>Day</i> :	<i>(Wednesday)</i>	<i>Time</i> :	<i>(2.15 Afternoon)</i>
JKA518		2			

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN KSCP, SIDANG AKADEMIK 2024/2025
PROGRAM PENGAJIAN JARAK JAUH
PUSAT PEPERIKSAAN: SEMUA PUSAT PEPERIKSAAN

CATATAN

Calon-calun diminta mengambil perhatian bahawa jadual waktu ini adalah muktamad. Sekiranya terdapat **PINDAAN**, akan dinyatakan dalam kenyataan **berwarna BIRU** dan dipaparkan di laman sesawang Bahagian Pengurusan Akademik (bpa.usm.my).

MAKLUMAT PEPERIKSAAN SECARA BERSEMUKA

Calon diminta memaklumkan kepada Pusat Pengajian dengan kadar segera jika disahkan menghidap penyakit berjangkit (COVID-19, Influenza, Demam Campak dan lain-lain) oleh mana-mana fasiliti kesihatan dan mendapat Sijil Cuti Sakit atau arahan kuarantin pada hari peperiksaan.

Calon diingatkan jika bergejala, sila dapatkan rawatan dengan segera.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(AMRA OTHMAN)
Ketua Penolong Pendaftar
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar

Laman Sesawang: www.pendaftar.usm.my ATAU bpa.usm.my
Rujukan Kami : USM.[O] 25/1/i Jld. 14

*Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar
Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselori, 11800 USM, PULAU PINANG
Telefon : 04-653 3479 .
E-mel : amra@usm.my . iftitah@usm.my . noorhasmah@usm.my
Laman Sesawang: pendaftar.usm.my. bpa.usm.my*

*Pejabat Operasi Peperiksaan, Aras 1, Bangunan L17: Dewan Utama Pelajar,
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, PULAU PINANG.
Telefon : 04 653 4310 .*

PEMBERITAHUAN

Semua Pelajar Ijazah Pertama Program Pengajian Jarak Jauh (PPJJ)

PERCETAKAN SLIP PEPERIKSAAN PELAJAR PPJJ

Peperiksaan KSCP, Sidang Akademik 2024/2025

Tarikh permulaan percetakan adalah :

RABU, 10 SEPTEMBER 2025 @ 11:00 PAGI

campusonline.usm.my

Semua pelajar PPJJ diwajibkan mencetak slip peperiksaan masing-masing melalui portal Campus Online (campusonline.usm.my).

Setiap pelajar PPJJ perlu mempunyai SLIP PEPERIKSAAN untuk menduduki peperiksaan. Pelajar PPJJ yang tidak mempunyai slip peperiksaan tidak dibenarkan memasuki dewan peperiksaan.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

9 September 2025

ARAHAN PEPERIKSAAN UNTUK CALON PROGRAM PENGAJIAN JARAK JAUH

1. Calon mesti mengambil perhatian yang teliti tentang jadual waktu peperiksaan dari segi tarikh, masa, tempat dan susunan tempat duduk untuk kertas peperiksaan masing-masing. Calon dinasihatkan supaya sentiasa melihat laman sesawang Bahagian Pengurusan Akademik (bpa.usm.my) jika terdapat sebarang pindaan terhadap jadual waktu peperiksaan. Pindaan seperti itu, jika ada, akan dicetak di atas kertas biru dan dipaparkan di laman sesawang Bahagian Pengurusan Akademik (bpa.usm.my). Kesilapan membaca jadual waktu tidak diterima sebagai alasan untuk gagal menghadiri peperiksaan. (Calon akan diberi Gred F*).
2. Calon mestilah tiba tepat pada waktu peperiksaan dan membawa Kad Pengenalan, Kad Pendaftaran dan Slip Peperiksaan masing-masing. Calon yang tidak mempunyai Slip Peperiksaan tidak dibenarkan masuk sehingga kelayakannya untuk mengambil peperiksaan itu dibuktikan. Calon yang tidak mempunyai Kad Pengenalan akan dikehendaki menyakinkan Ketua Pengawas/ Pengawas yang bertugas di dewan peperiksaan berkenaan dengan pengenalan diri mereka. Calon tidak akan dibenar mengambil peperiksaan bagi kursus yang tidak tercatat di dalam slip peperiksaan. Slip Peperiksaan adalah dokumen rasmi Universiti dan calon tidak dibenarkan menulis pada mana-mana bahagian di atas slip peperiksaan.
3. Calon tidak dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan sehingga Pengawas yang bertugas memberi isyarat untuk berbuat demikian. Calon dibenarkan masuk dua puluh minit (20 minit) sebelum peperiksaan bermula. Setelah dibenarkan calon hendaklah mengambil tempat duduk dengan senyap dan teratur. Calon yang hadir lewat lebih dari setengah jam (30 minit) tidak dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan.
4. Selepas berada di tempat masing-masing **calon dikehendaki:**
 - [a] mengisi Borang Kehadiran dan meletakkannya di atas meja di sudut sebelah kanan;
 - [b] meletak Kad Pengenalan dan slip peperiksaan di atas Borang Kehadiran yang telah dipenuhi. Borang Kehadiran akan dipungut oleh Pengawas/Pembantu Pemeriksa. Calon diingatkan supaya menyimpan Kad Pengenalan dan meletakkan slip peperiksaan di sudut kanan bawah meja selepas diperiksa oleh Pengawas/Pembantu Pengawas.
5. Di atas kulit skrip jawapan, Angka Giliran hendaklah ditulis dengan menggunakan ejaan dan juga angka seperti **'Tujuh Kosong Kosong Kosong Satu' (70001)**. Calon mesti menulis Angka Giliran dengan angka sahaja di atas semua kertas jawapan yang digunakan. **Calon dilarang menulis NAMA mereka di atas buku/kertas jawapan.**
6. Calon yang tidak menulis Angka Giliran atau tersilap menulis Angka Giliran di skrip jawapan/borang OMR, skrip jawapan berkenaan tidak akan diperiksa oleh Pemeriksa dan calon tidak akan menerima sebarang markah.
7. Calon diingatkan supaya meneliti dan mematuhi segala arahan yang tercatat di atas kulit skrip jawapan. Catatan kasar mestilah dibuat di atas kertas jawapan sahaja. Skrip jawapan Tambahan akan dibekalkan kepada calon jika diminta. Semua kertas jawapan sama ada digunakan atau belum mestilah ditinggalkan di dewan peperiksaan. Calon tidak dibenarkan membawa keluar skrip jawapan dan/atau kertas jawapan dari dewan peperiksaan.
8. Buku, kertas kosong, kertas dokumen, nota atau gambar, kecuali bahan yang dibenarkan oleh pemeriksa tidak boleh dibawa masuk atau dibawa keluar oleh calon dari tempat peperiksaan. Semasa berada di tempat peperiksaan, calon boleh menerima daripada Pengawas buku, kertas, dokumen, gambar atau sebarang bahan yang telah dibenarkan oleh Dekan/Pengarah di atas nasihat Pemeriksa atau Majlis Pemeriksa.
9. Calon-calon tidak dibenarkan merokok di dalam dewan peperiksaan semasa peperiksaan.

PEPERIKSAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
ARAHAN PEPERIKSAAN UNTUK CALON
PROGRAM PENGAJIAN JARAK JAUH

10. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan kamus elektronik, Jam Pintar sebarang jenis beg, dompet, kotak pensel, kotak geometri atau bekas lain. Mesin kira boleh dibawa masuk tanpa sarungnya jika dibenarkan oleh pemeriksa. Sila ambil perhatian, penggunaan Kamus Elektronik dan telefon bimbit semasa peperiksaan adalah dilarang. Calon-calon hanya boleh membawa masuk, pen, pensel dan alat tulis lain yang dibenarkan sahaja. Telefon bimbit juga boleh dibawa masuk tetapi perlu dimatikan dan diletakkan di sudut kanan bawah meja calon.
11. Calon dikehendaki meletak slip peperiksaan di sudut kanan bawah meja calon selepas disemak oleh Pengawas/ Pembantu Peperiksaan.
12. Calon tidak dibenarkan berhubung di antara satu dengan lain semasa peperiksaan, sama ada melalui percakapan atau cara yang lain. Jika calon ingin berhubung dengan Pengawas, beliau mestilah mengangkat tangan.
13. Ketua Pengawas/Pengawas yang bertugas akan memberi isyarat yang nyata dan jelas untuk menandakan bahawa peperiksaan telah tamat. Sebaik sahaja isyarat ini diberikan, semua calon hendaklah berhenti menulis.
14. Calon adalah bertanggungjawab untuk mengikat skrip jawapan (jika perlu) dan terus berada di tempat masing-masing sehingga skrip jawapan dikutip oleh Ketua Pengawas/Pengawas dan calon hanya dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan setelah dimaklumkan oleh Ketua Pengawas/Pengawas.
15. Calon hanya dibenarkan meninggalkan tempat peperiksaan selepas setengah jam (30 minit) peperiksaan bermula. Walau bagaimanapun, tidak seorang calon pun dibenarkan meninggalkan dewan peperiksaan lima belas minit (15 minit) sebelum tamat peperiksaan.
16. Calon yang jatuh sakit semasa peperiksaan sedang berlangsung mestilah melaporkannya kepada Pengawas yang bertugas di dewan peperiksaan dengan secepat yang mungkin.
17. Calon yang tidak dapat menduduki peperiksaan bagi mana-mana kertas yang didaftarkan hendaklah memberi sebab-sebab mengapa mereka gagal menghadiri peperiksaan [secara bertulis] kepada Pendaftar [melalui Ketua Penolong Pendaftar (Unit Peperiksaan dan Pengijazahan)], disokong oleh dokumen-dokumen yang sah [Sijil Cuti Sakit hendaklah dikeluarkan oleh Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) USM, doktor panel Universiti atau hospital/klinik kerajaan] dalam tempoh 7 hari selepas peperiksaan kertas berkenaan dijalankan. Kegagalan untuk berbuat demikian akan dianggap bahawa calon tidak mempunyai sebarang alasan yang sah dan berkemungkinan diberi gred " F* " bagi kertas tersebut.
18. Jika seseorang calon didapati meniru/menipu ataupun mempunyai bahan-bahan yang tidak dibenarkan untuk dibawa ke dalam dewan peperiksaan semasa peperiksaan diadakan, tindakan disiplin yang sewajarnya akan diambil terhadap calon yang berkenaan. Jika seseorang calon disyaki meniru/menipu dia boleh disingkir dari Universiti.
19. Calon yang tidak menghadiri kesemua kertas peperiksaan tanpa sebab yang dapat diterima oleh Majlis Peperiksaan Universiti ataupun tanpa kelulusan pihak Universiti terlebih dahulu, akan dianggap gagal dalam keseluruhan peperiksaan dan boleh dikeluarkan daripada Senarai Pelajar Berdaftar Universiti.
20. Bagi calon yang mengalami masalah kesihatan, sila dapatkan nasihat Pengarah, Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) Universiti Sains Malaysia atau doktor dari Hospital/Klinik Kerajaan.

ARAHAN INI HENDAKLAH DISIMPAN UNTUK RUJUKAN

*Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar,
Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselor, 11800 USM, PULAU PINANG.
Telefon : 04 653 3479 .
E-mel : amra@usm.my . iftitah@usm.my . noorhasmah@usm.my
Laman Sesawang : pendaftar.usm.my . bpa.usm.my*

PEMBERITAHUAN

PUSAT-PUSAT PEPERIKSAAN PROGRAM PENGAJIAN JARAK JAUH PEPERIKSAAN KSCP, SIDANG AKADEMIK 2024/2025

- 1. PULAU PINANG**
Kampus Induk, Universiti Sains Malaysia
11800 USM, PULAU PINANG
[Untuk aturan tempat duduk muktamad, sila
rujuk kepada jadual waktu peperiksaan (HIJAU)
yang dipaparkan di Kampus Induk.]
- 2. KUCHING**
Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako, Petra Jaya
93050 Kuching, SARAWAK

PERHATIAN

Anda hanya dibenarkan mengambil peperiksaan di Pusat Peperiksaan seperti yang dicatatkan dalam SLIP PEPERIKSAAN anda. Bagi mengelakkan kekeliruan, anda dinasihatkan menyemak/memastikan lokasi Pusat Peperiksaan anda terlebih awal sebelum tarikh peperiksaan bermula.

Harap maklum dan terima kasih.

9 September 2025

PEMBERITAHUAN

KEPUTUSAN MAJLIS PEPERIKSAAN UNIVERSITI

Decision of the University Examination Council

Majlis Peperiksaan Universiti telah membuat keputusan seperti berikut bagi calon yang tidak menghadiri peperiksaan.

The following decision has been made by the University Examination Council regarding students who are absent from examinations.

Catatan/Notes		Gred Diperoleh Grade Obtained
SLJW	Silap Lihat Jadual Waktu Peperiksaan <i>Misread Examination Timetable</i>	F*
THTA	Tidak Hadir Tanpa Alasan <i>Absent Without Valid Reason</i>	F*
ADT	Alasan Ditolak <i>Unacceptable reasons for absence</i>	F*

- Pelajar Tahun Akhir yang akan berijazah dan mendapat Gred F* tidak dibenarkan menduduki peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP).
Final year students who may be graduating and who obtain Grade F are not allowed to sit for the examination held during the Long Vacation Course (KSCP).*
- Patuh semua PERATURAN PEPERIKSAAN. Calon yang ditangkap kerana meniru/menipu dalam peperiksaan akan diambil tindakan tatatertib.
Obey all EXAMINATION RULES. Disciplinary action will be taken against any candidate caught copying/cheating during the examination.
- Pelajar taraf akademik PERCUBAAN 2 (P2) perlu memastikan pencapaian akademik pada Peperiksaan Akhir ini memperoleh PNG 2.00 dan ke atas.
Students with PROBATION 2 (P2) status must strive to ensure that they obtain a GPA of 2.00 and above this Final Examinations.

9 September 2025

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar,
Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselori, 11800 USM, PULAU PINANG.

Telefon : 04 653 3479 .

E-mel : amra@usm.my . iftitah@usm.my . noorhasmah@usm.my

Laman Sesawang : pendaftar.usm.my . bpa.usm.my

PEMBERITAHUAN

Semua Pelajar Ijazah Pertama (Program Pengajian Jarak Jauh)

KETIDAKHADIRAN DALAM PEPERIKSAAN PEPERIKSAAN KSCP, SIDANG AKADEMIK 2024/2025

Saya ingin menarik perhatian semua pelajar kepada Arahan Peperiksaan Untuk Calon-calon No. 16 yang dipetik seperti berikut :

Calon-calon yang tidak dapat menduduki peperiksaan bagi mana-mana kertas yang didaftarkanya hendaklah memberi sebab-sebab mengapa mereka gagal menghadiri peperiksaan (secara bertulis) kepada Pendaftar [melalui Ketua Penolong Pendaftar (Unit Peperiksaan dan Pengijazahan)], disokong oleh dokumen-dokumen yang sah [Sijil Cuti Sakit hendaklah dikeluarkan oleh Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) USM, doktor panel Universiti atau Hospital/Klinik Kerajaan] dalam tempoh 7 hari selepas peperiksaan kertas berkenaan dijalankan. Kegagalan untuk berbuat demikian akan dianggap bahawa calon tidak mempunyai sebarang alasan yang sah dan berkemungkinan diberi Gred " F* " bagi kertas tersebut.

2. Untuk peringatan anda, Sijil Akuan Sakit yang dikeluarkan oleh doktor yang lain dari Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) USM, doktor panel Universiti dan Hospital/Klinik Kerajaan tidak diterima sebagai alasan yang sah.

3. Bagi pelajar yang berkenaan, sila ambil tindakan sewajarnya. Pihak Universiti tidak akan menghantar Surat Tunjuk Sebab kepada pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan.

Sekian, terima kasih.

9 September 2025

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar,
Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselor, 11800 USM, PULAU PINANG.
Telefon : 04 653 3479 .
E-mel : amra@usm.my . iftitah@usm.my . noorhasmah@usm.my
Laman Sesawang : pendaftar.usm.my . bpa.usm.my

PEMBERITAHUAN

SILA AMBIL PERHATIAN

1. Semua calon yang menduduki Peperiksaan KSCP, Program Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia hendaklah berpakaian kemas dan sopan.
2. Pemakaian seluar pendek dan selipar getah adalah dilarang dan tidak dibenarkan sama sekali ketika menduduki peperiksaan.
3. Dilarang membawa masuk beg.
4. Dilarang merokok dalam kawasan sekolah/bangunan peperiksaan.

SILA PATUHI PERATURAN LARANGAN MEROKOK YANG TELAH DITETAPKAN.

Terima kasih

9 September 2025

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar,
Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselori, 11800 USM, PULAU PINANG.

Telefon : 04 653 3479 .

E-mel : amra@usm.my . iftitah@usm.my . noorhasmah@usm.my

Laman Sesawang : bpa.usm.my

PEMBERITAHUAN



Penggunaan telefon bimbit semasa peperiksaan adalah satu kesalahan (termasuk semua alatan komunikasi elektronik, peranti storan dan alatan digital lain).

Use of hand phones during the examination is against the Examination Regulations (inclusive of all types of electronic communication/storage device and digital facilities).

9 September 2025

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar,
Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselori, 11800 USM, PULAU PINANG.

Telefon : 04 653 3479 .

E-mel : amra@usm.my . iftitah@usm.my . noorhasmah@usm.my

Laman Sesawang : bpa.usm.my

PEMBERITAHUAN



Sila ambil perhatian, sebarang jenis beg tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan.

Please take note that any type of bags are not allowed into the examination room/hall.

9 September 2025

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselori, 11800 USM, PULAU PINANG.

Telefon : 04 653 3479 .

E-mel : amra@usm.my . iftitah@usm.my . noorhasmah@usm.my

Laman Sesawang : pendaftar.usm.my . bpa.usm.my

PEMBERITAHUAN



SILA AMBIL PERHATIAN PENGGUNAAN KAMUS ELEKTRONIK SEMASA PEPERIKSAAN BERLANGSUNG ADALAH DILARANG.
Use of Electronic Dictionary is prohibited during the examination.

9 September 2025

PEMBERITAHUAN

Semua Pelajar Ijazah Pertama (Program Pengajian Jarak Jauh)

**** KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KSCP, SIDANG AKADEMIK 2024/2025**

Dimaklumkan bahawa semua pelajar Ijazah Pertama PPJJ boleh menyemak keputusan peperiksaan melalui portal Campus Online.

Portal Campus Online boleh diakses mulai :

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
(BERGRED)**

**ISNIN, 6 OKTOBER 2025
MULAI 11:00 PAGI**

campusonline.usm.my

**** Pengumuman keputusan peperiksaan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan oleh keputusan Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti dan Senat Universiti. Sebarang perubahan (jika ada) akan dimaklumkan melalui portal Campus Online.**

Sila ambil perhatian bahawa keputusan peperiksaan pelajar yang mempunyai hutang/tunggakan yuran pengajian universiti akan ditahan sehingga hutang/tunggakan tersebut dijelaskan.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

9 September 2025

*Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar,
Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselor, 11800 USM, PULAU PINANG.*

Telefon : 04 653 3479 .

E-mel : amra@usm.my . iftitah@usm.my . noorhasmah@usm.my

Laman Sesawang : pendaftar.usm.my . bpa.usm.my